

**HUBUNGAN ANTARA DEMOGRAFI, AFEKTIF DAN
PENCAPAIAN DALAM KURSUS KENEGARAAN
MALAYSIA.**

NOR AZLAH SHAM RAMBELY

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
APRIL 2005**

PENAKUAN TANGGUNGJAWAB (DISCLAIMER)

Saya, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambar rajah, ilustrasi, dan gambar foto yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hak cipta dan hak kepunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

I am responsible for the accuracy of all opinions, technical comments, factual reports, data, figures, illustrations and photographs in the article. I bear full responsibility in ensuring materials used and submitted to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.

Penyelidik:

NOR AZLAH SHAM RAMBELY

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang

Alhamdulillah, saya memanjatkan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T yang sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya serta ketabahan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada universiti, khususnya Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan kerana membiayai kajian ini. Ucapan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan selaku Mentor Pembimbing, iaitu Dr. Zahyah Hanafi yang tidak jemu-jemu memberi panduan, nasihat dan dorongan kepada saya. Sesungguhnya bantuan yang diberikan amat bererti kepada saya.

Akhir kata, penghargaan kepada rakan-rakan sejawat yang sentiasa memberi semangat, juga kepada keluarga yang sangat memahami kerjaya saya.

NOR AZLAH SHAM BT RAMBELY
Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan

2005

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara demografi, afektif dan pencapaian dalam kursus Kenegaraan Malaysia. Instrumen kajian dalam bentuk soal-selidik dibentuk untuk menjawab 5 persoalan kajian berhubung dengan faktor demografi, ciri-ciri afektif iaitu sikap, minat, persepsi tentang pensyarah dan rakan sebaya dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina, bidang pengajian dan bangsa dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia, walaupun bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan mengikut faktor pencapaian mata pelajaran Sejarah semasa SPM. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah dapat membantu pelajar mengikuti dan memahami kursus Kenegaraan Malaysia yang diajar. Melihat kepada faktor afektif, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara sikap, minat, persepsi tentang pensyarah dan rakan sebaya. Ini bermakna sikap, minat, persepsi tentang pensyarah dan pengaruh rakan sebaya tidak mempengaruhi pencapaian dalam kursus Kenegaraan Malaysia.

KANDUNGAN

	Halaman
Abstrak	i
Kandungan	ii
BAB 1	PENGENALAN
	1
Latar belakang	1
Penyataan Masaalah	2
Objektif Kajian	5
Soalan Kajian	6
Hipotesis Kajian	6
Kepentingan Kajian	7
Definisi Operasional	8
Batasan Kajian	10
BAB 2	SOROTAN KARYA
	12
Teori-teori Berkaitan Pencapaian	12
Kajian-kajian Lepas Berkaitan Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian	15
Faktor Jantina Dengan Pencapaian Pelajar	16
Faktor Bidang Pengajian Dengan Pencapaian Pelajar	17
Faktor Bangsa Dengan Pencapaian Pelajar	17
Faktor Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dalam Peperiksaan SPM Dengan Pencapaian Pelajar	18
Minat Dengan Pencapaian	20
Sikap Dengan Pencapaian	24
Persepsi Tentang Pensyarah Dengan Pencapaian	28
Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Pencapaian	35
Kerangka Kajian	38
BAB 3	METODOLOGI
	39
Rekabentuk Kajian	39
Populasi dan Persampelan	39
Kaedah Pengumpulan Data	39
Kajian Rintis	41
Pengumpulan dan Pengukuran Data	41
Analisa Data	41

BAB 4	DAPATAN	
	Pengenalan	43
	Analisis Diskriptif	43
	Profil Responden	43
	Analisis Diskriptif	48
	Analisis Inferensi	55
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI	
	Pengenalan	63
	Rumusan dan Perbincangan	63
	Implikasi	72
	Cadangan Kajian Akan Datang	72
RUJUKAN		74
LAMPIRAN A		
LAMPIRAN B		
LAMPIRAN C		

BAB 1

Pengenalan

Latar Belakang

Kita sering mendengar orang memperkatakan tentang kenegaraan. Kenegaraan sangat penting dan berkait rapat dengan rakyat, budaya, politik, ekonomi dan sejarah sesebuah negara. Kenegaraan merupakan satu kursus yang mengajar tentang hal-ehwal sesebuah negara untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab (Zainal Kling, 1985). Warganegara yang baik mesti mempunyai tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (Wan Halim Wan Othman, 1993). Sementara dalam disiplin sains politik pula, kenegaraan selalu dirujuk sebagai pembinaan negara bangsa (Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan, 1997). Umumnya kenegaraan adalah satu bidang pengajian yang matlamatnya melahirkan rakyat atau warganegara yang baik dan bertanggungjawab dalam usaha membentuk sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu dan dihormati di peringkat antarabangsa melalui pembelajaran dan penghayatan kursus Kenegaraan Malaysia.

Warganegara yang baik dan bertanggungjawab perlu mengetahui latar belakang warisan budayanya, perkembangan sejarah bangsa dan negaranya. Pengetahuan sejarah perlu diketahui, difahami dan dihayati untuk membantu ke arah menanam dan mengembangkan kesedaran dan kebanggaan terhadap negara. Dengan mempelajari sejarah tanah air, ia menimbulkan rasa kecintaan dan dapat mendedahkan kepada semangat kesetiaan, rasa kesyukuran serta sedia berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara. Di samping itu juga, intipati sejarah dapat membantu golongan muda

memahami dan menghargai perjuangan kemerdekaan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara. Pengetahuan dan pemahaman terhadap sejarah boleh membentuk jati diri yang akan menjadi kebanggaan masyarakat, lantas mempengaruhi sikap kesetiaan (loyalty) dan patriotisme, iaitu sanggup berkorban kerana negara (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Pemupukan semangat kesetiaan dan patriotisme di kalangan generasi baru di Malaysia sangat penting dan perlu dipergiatkan setiap masa kerana corak dan keadaan masyarakat Malaysia yang majmuk lagi kompleks. Mereka dipisahkan oleh budaya dan cara hidup yang berbeza. Jurang perbezaan yang besar di antara mereka hasil daripada tinggalan Inggeris ini telah menghalang perpaduan dan integrasi kaum. Perasaan cintakan negara dan semangat sanggup berkorban untuk negara sepatutnya dipupuk di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Kesedaran yang mendalam tentang perlunya masyarakat yang telah diintegrasikan ke dalam satu bangsa dapat dibuat dengan lebih berjaya jika generasi sekarang sedar bahawa negara kita telah melalui pelbagai zaman dan cabaran melalui pendidikan dan penghayatan Kenegaraan Malaysia (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Sehubungan itu di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kenegaraan Malaysia merupakan kursus teras universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar dan wajib lulus. Bermula dari Semester Pertama Sesi 2004/2005 kursus ini dinaiktaraf dari dua jam kredit kepada tiga jam kredit.

Penyataan Masalah

Kecemerlangan akademik pelajar adalah merupakan agenda yang utama bagi sesebuah institusi pengajian tinggi. Dalam konteks Kenegaraan Malaysia, kecemerlangan pelajar dalam kursus ini akan menyerlahkan lagi keperibadian seseorang rakyat yang mengaku sebagai warganegara Malaysia.

Sehubungan itu kandungan kursus Kenegaraan Malaysia meliputi sejarah pembinaan bangsa dan negara ini sejak zaman pra merdeka hingga kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan selepas merdeka. Kursus ini terdiri daripada beberapa gabungan disiplin ilmu seperti sejarah, politik dan ekonomi. Kesemua disiplin ilmu ini diadun menjadi satu kursus kenegaraan Malaysia yang mengamalkan konsep pengajaran dan pembelajaran yang merentas sempadan ilmu secara bijaksana.

Kombinasi beberapa disiplin ilmu yang membentuk kursus Kenegaraan Malaysia menjadikan kandungannya terlalu luas dengan batasan waktu yang sangat terhad. Ini menyebabkan suasana membosankan kepada sesetengah pelajar. Lumrah bagi manusia mempunyai minat dan kemahuan yang berbeza, begitu juga dengan pelajar mempunyai minat yang berbeza mengenai subjek yang diajar oleh guru. Selain masa yang terhad dan kursus yang panjang, sikap turut memainkan peranan penting (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Bagi kebanyakan orang, kenegaraan adalah satu kursus yang di dalamnya penuh dengan peristiwa dan fakta sejarah. Sehubungan itu kursus ini seringkali dianggap sama seperti kursus sejarah yang telah diajar pada peringkat sekolah menyebabkan majoriti para

pelajar tidak bersikap serius dalam kursus ini. Tambahan pula di peringkat sekolah, mata pelajaran Sejarah dikatakan sebagai subjek yang sukar diajar dan antara yang paling sukar dalam kurikulum sekolah (Zainal Abidin Abdul Wahid dalam Adnan Hj Nawang,1985). Di samping itu berdasarkan kajian Rohana Zubir (1982), pengajaran Sejarah masa kini yang kurang berkesan serta lebih bertumpu kepada kaedah hafalan, teks dan buku panduan peperiksaan menyebabkan sikap pelajar terhadap kursus ini kurang menggalakkan.

Selain itu setelah tujuh tahun pendidikan Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, terdapat banyak isu yang telah dibangkitkan, antaranya Sejarah sebagai mata pelajaran yang kurang diminati (Juriah, Halimah, Zalizan dalam Siti Rohah Abdullah, 1998).

Selain itu, Tan Ai Hoon (1997) menekankan sikap ibu bapa dan masyarakat yang menganggap mata pelajaran Sejarah tidak setanding dan sepenting mata pelajaran lain seperti Bahasa Melayu dan Matematik yang juga merupakan mata pelajaran teras dalam KBSM, menyebabkan Sejarah dilihat sebagai mata pelajaran wajib yang tidak perlu dititikberatkan.

Dalam konteks kursus Kenegaraan Malaysia di UUM, sikap sambil lewa kerana merasakan sudah tahu tentang subjek yang diajar telah mendorong tindak-tanduk yang negatif di dalam kuliah seperti tidur, berbual, ponteng dan sebagainya (Mohd Idris Saleh & Rohani Abdul Ghani, 2004).

Sehubungan itu tanpa penghayatan, pembelajaran kursus ini cuma menjadi satu aktiviti keperluan bagi memenuhi syarat yang terpaksa diikuti sahaja. Oleh itu kursus Kenegaraan Malaysia yang bermatlamat untuk mengajar tentang hal ehwal sesebuah negara bagi melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab tidak akan kesampaian.

Tambahan pula dalam konteks yang lebih luas, pelajar-pelajar ini sebagai generasi muda di negara ini merupakan kelompok terbesar yang mengisi ruang dan jumlah keseluruhan kependudukan negara. Dianggarkan sebanyak 50 peratus daripada seramai lebih kurang 24 juta penduduk negara ini diisi oleh mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun. Kadar ini membayangkan betapa negara ini dicorak oleh mereka, sama ada dari segi keperluan sumber manusia, pendidikan, kesenian dan hiburan, gaya hidup dan sebagainya (Khairul Azhar Idris, 2002).

Oleh itu, pelajar-pelajar ini merupakan kelompok masyarakat yang memainkan peranan yang amat besar dan penting dalam jatuh bangun sesebuah negara. Apa juga yang mereka lakukan sebenarnya tetap akan memberi implikasi kepada kesejahteraan negara. Pelajar adalah aset yang amat berharga dalam menentukan arah pembangunan pada masa akan datang.

Berasaskan kepada permasalahan-permasalahan kajian, pengkaji ingin meninjau apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia di kalangan para pelajar UUM.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan maka objektif umum kajian ini dibentuk bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia dan menghuraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar agar prestasi pelajar meningkat dan sekaligus meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentang Kenegaraan Malaysia.

Manakala objektif khusus kajian ini ialah untuk

- i. Melihat perbezaan pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia dengan faktor demografi (jantina, etnik, bidang pengajian dan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah semasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)).
- ii. Mengkaji sama ada faktor afektif iaitu sikap, minat, persepsi tentang pensyarah dan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia.

Soalan Kajian

Berpandukan kepada perbincangan yang dilakukan dalam penyataan masalah sebelum ini, maka kajian ini dilakukan bagi mendapatkan jawapan terhadap persoalan berikut:

1. Adakah wujud perbezaan dari aspek demografi (jantina, bangsa, bidang pengajian dan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah semasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)) ke atas pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia?
2. Adakah faktor afektif (sikap, minat, persepsi tentang pensyarah dan pengaruh rakan sebaya) mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia?

Persoalan-persoalan di atas adalah difikirkan sebagai faktor yang berkemungkinan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia.

Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bidang pengajian dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor bangsa dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor pencapaian dalam SPM dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor sikap dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor minat dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor persepsi tentang pensyarah dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Ho8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia.

Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba mengenalpasti faktor-faktor demografi dan afektif yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang amat berguna kepada pensyarah-pensyarah untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan prestasi dan minat pelajar dalam kursus ini. Di samping itu pensyarah juga dapat mengemaskini dan mempelbagaikan proses pengajaran dan pembelajaran Kursus Kenegaraan Malaysia untuk menambah minat pelajar dan menyakinkan pelajar tentang kepentingan kursus ini.

Kepada para pelajar kajian ini amat berguna bagi menyakinkan mereka bahawa kursus ini bukan hanya bertujuan untuk mendapat gred yang cemerlang sahaja tetapi pemahaman dan penghayatan perlu diseirinkan bagi mencapai matlamat pengajaran.

Dapatan daripada kajian ini juga diharapkan dapat digunakan oleh pihak universiti-universiti untuk memastikan kursus teras universiti ini diberi penumpuan utama dari segi pencapaian dan penghayatan supaya hasrat universiti untuk melahirkan generasi yang bijak pandai dan tahu tentang hal-ehwal negara akan tercapai.

Definisi Operasional

Kenegaraan Malaysia - merupakan satu kursus yang mengajar tentang hal ehwal sesebuah negara untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab (Zainal

Kling, 1985). Kursus ini diajar kepada semua pelajar-pelajar UUM dan majoritinya mengambil kursus ini semasa berada dalam Semester 1 dan 2.

Pencapaian akademik – untuk kajian ini, pencapaian pelajar dalam kursus kenegaraan Malaysia merujuk kepada penilaian secara individu melalui tugas kumpulan, tugas individu, peperiksaan pertengahan semester dan peperiksaan akhir semester melalui peperiksaan yang diselenggarakan oleh UUM.

Minat – dalam kajian ini, minat adalah dimaksudkan dengan kecenderungan, kesukaan atau keinginan pelajar untuk mempelajari dan menguasai Kursus Kenegaraan Malaysia. Dengan kata lain minat merujuk kepada darjah kesukaan atau ketidaksukaan pelajar terhadap kursus tersebut.

Sikap – boleh didefinisikan sebagai perasaan yang diikuti oleh tindakan yang wujud dalam diri seseorang terhadap sesuatu benda. Eagly dan Chaiken (1993) menyatakan sikap adalah satu kecenderungan psikologikal yang ditunjukkan melalui penilaian kepada sesuatu benda atau situasi. Sikap juga merupakan pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat dan ia boleh jadi positif, negatif atau neutral. Dalam kajian ini sikap dirujuk kepada tanggapan, pernyataan, tindakan dan perasaan pelajar yang positif dan negatif terhadap Kursus Kenegaraan Malaysia.

Persepsi tentang pensyarah – komitmen guru seperti sikap peramah, kaedah pengajaran, dan kesungguhan guru.

Rakan sebaya –merupakan kumpulan atau individu yang mempunyai tingkat umur yang sama atau lebih kurang sama dengan individu berkenaan. Ahli-ahli dalam kumpulan ini saling berinteraksi, berkomunikasi dan mempengaruhi antara satu sama lain (Abdullah Othman, 2002). Dalam kajian ini rakan sebaya dirujuk kepada rakan dari kuliah yang sama, atau program yang sama, atau fakulti yang sama atau kolej yang sama.

Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan faktor demografi dengan pencapaian kursus Kenegaraan Malaysia. Di samping itu kajian ini juga bertujuan mengkaji hubungan antara faktor afektif iaitu sikap, minat, persepsi tentang pensyarah dan pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian pelajar dalam kursus yang sama.

Kajian ini hanya melibatkan mahasiswa Semester Satu di Universiti Utara Malaysia yang mengambil kursus Kenegaraan Malaysia. Kajian ini diukur hanya terbatas kepada para pelajar semester lepas sahaja. Persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah secara persampelan mudah. Seramai 4,364 pelajar yang mengambil kursus Kenegaraan Malaysia, dan empat kumpulan diambil bagi mewakili populasi kajian.

Kajian ini hanya berfokus kepada faktor demografi dan afektif sahaja terhadap pencapaian dalam kursus Kenegaraan Malaysia. Terdapat banyak faktor lain sebenarnya yang menyumbang kepada pencapaian pelajar dalam setiap kursus, tetapi kajian ini akan hanya menumpukan pada faktor-faktor terpilih ini sahaja.

BAB 2

SOROTAN KARYA

Teori-teori Berkaitan Dengan Pencapaian Pelajar

Wallman (1973) mentakrifkan pencapaian sebagai skor atau gred yang dicapai oleh para pelajar melalui peperiksaan atau ujian piawai. Menurut Sepian (1981), pencapaian akademik bermaksud pencapaian pelajar mengikut kurikulum yang diajar dan ditentukan dengan ujian-ujian seperti ujian bulanan, peperiksaan penggal dan peperiksaan akhir tahun bagi setiap tahun persekolahan. Peratusan markah-markah pelajaran yang diuji atau diperiksa dan purata peratusan markah kelulusan adalah menentukan sama ada prestasi akademik seseorang pelajar itu baik atau tidak. Raha Yahaya (1991) pula berpendapat selalunya pencapaian ini dinyatakan dalam bentuk skor mentah atau pangkat untuk satu-satu mata pelajaran ataupun untuk keseluruhan kursus.

Terdapat beberapa teori yang telah dikemukakan tentang pembelajaran dan pencapaian dan salah satu daripadanya dikemukakan oleh Bloom. Bloom (1974) berpendapat pencapaian pembelajaran diukur berdasarkan objektif pembelajaran yang ditetapkan. Menurutnya pelajar dinilai empat daripada enam tahap pembelajaran kognitif iaitu pengetahuan, pengertian, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Proses pembelajaran tercapai apabila sekurang-kurangnya pelajar berupaya mengingat (recall) semula di tahap yang rendah dan menganalisis serta membezakan perkara-perkara yang telah dipelajari pada tahap ke empat. Kemudiannya Bloom (1982) menyatakan ciri-ciri afektif adalah paling baik di peringkat kemasukan mahu pun sebagai hasil sesuatu pengajaran.

Beliau berpendapat ciri-ciri pelajar dari segi kognitif dan afektif di peringkat kemasukan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pencapaian semasa. Terdapat tiga dimensi perasaan atau afek yang boleh mempengaruhi atau menentukan pembelajaran iaitu,

- i. afek subjek atau mata pelajaran yang merujuk kepada minat atau kesungguhan mempelajari subjek-subjek khusus.
- ii. Afek sekolah iaitu kecenderungan pelajar terhadap utiliti dan keseronokan berada di sekolah.
- iii. Afek sendiri yang dijelaskan sebagai persepsi pelajar tentang dirinya sebagai pemimpin yang cekap.

Hasil dari lebih daripada 50 kajian yang dibuat, Bloom membuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga dimensi yang dinyatakan di atas menerangkan 25 % varians dalam pencapaian akademik. Ini menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang kuat di antara ciri-ciri afektif dengan pencapaian.

Rowntree (1981 dalam Lim Chin Guan, 1999) juga menyatakan pencapaian seseorang pelajar diukur berdasarkan tahap keupayaan mereka dalam pelajaran atau pun kebolehan mereka dalam bidang tertentu. Gage dan David (1988) berpendapat bahawa pencapaian akademik adalah sesuatu yang diperolehi atau dipelajari. Ini bermakna pencapaian adalah produk akhir bagi sesuatu proses pembelajaran. Lazimnya ia ditunjukkan dalam bentuk skor atau markah melalui ujian yang terpaksa dilalui oleh seseorang pelajar tersebut.

Satu teori umum pencapaian berdasarkan kajian sosiologi dan psikologi pendidikan untuk menerangkan mengapa terdapat perbezaan pencapaian di kalangan pelajar, iaitu:

$$\text{Ach} = f(a + e + i)$$

Ach... ialah achievement (pencapaian)

a... ialah ability (kebolehan)

e... ialah effort (usaha)

i... ialah instruction (pengajaran)

Teori ini menyatakan bahawa taraf kejayaan (pencapaian) dalam menjalankan sesuatu tugas baru (misalnya untuk memahami sesuatu topik baru dalam Matematik atau untuk menyelesaikan sesuatu masalah) bergantung kepada kecekapan yang telah diperoleh dahulu (acquired ability), usaha dan masa yang ditumpukan untuk menjalankan tugas itu (effort and time on task), dan kesesuaian bimbingan yang diberi semasa tugas itu dijalankan (quality of instruction/guidance/teaching given). Faktor pertama dan kedua adalah dari pelajar sendiri, dan faktor ketiga datang dari 'luar' pelajar, sama ada daripada gurunya atau orang lain yang membantunya. Di sekolah, peranan utama dalam 'pengajaran' dimainkan oleh gurunya dan alat bantu pengajaran-pembelajaran seperti buku teks, buku kerja, buku rujukan lain, peralatan makmal dan sebagainya (Laporan Kongres Pendidikan Melayu, 2001).

Kalau ketiga-tiga faktor ini ada dengan sebaiknya, maka pencapaian maksimum dalam tugas baru akan diperoleh. Jika terdapat kekurangan dalam salah satu atau kesemua faktor ini maka pencapaian sepenuh tidak tercapai; mungkin hanya separuh yang akan

diperoleh. Jika pencapaian separuh atau rendah di peringkat asas, ini akan menambah kepayahan di peringkat berikutnya yang lebih tinggi dan kompleks. Untuk mengatasi kekurangan ini seseorang pelajar itu perlu meningkatkan ketiga-tiga faktor di atas itu, iaitu mendapatkan bimbingan tambahan/alternatif yang lebih baik (misalnya melalui tuisyen), membuat lebih banyak lagi latihan dan meningkatkan kebolehan asas ini (Laporan Kongres Pendidikan Melayu, 2001)

Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian

Banyak kajian telah dijalankan untuk menghalusi faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian terutamanya di dalam bidang pendidikan (Bloom, 1974; Gage & David, 1988). Pelbagai faktor boleh mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar. Ada penulis berpendapat pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh aspek-aspek yang melibatkan kognitif (de Bono, 1970; Fleming & Levie, 1993), sikap (Ajzen, 1989), faktor guru, kelulusan, kaedah penyampaian, kandungan kursus, pengalaman, faktor pengurusan, kepimpinan, kemudahan dan persekitaran serta taraf dan latar belakang sosio ekonomi keluarga pelajar itu sendiri (Entwisle, Alexander & Olson, 1997; Rogers, 1997). Kajian yang dilakukan oleh Baird, Pavelsky, Savage dan Valburg (2004) mendapati faktor yang signifikan yang mempengaruhi pencapaian pelajar yang rendah adalah faktor sikap dan kepercayaan diri pelajar, jangkaan dan kepercayaan guru, keluarga dan budaya sekolah.

Pengkaji tempatan pula menyatakan faktor seperti latar belakang pelajar, sikap, motivasi, proses pendidikan memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar (Alias Baba, 1989 dalam Mohd Aliyas Hamdan, 2001). Di samping peranan ibu bapa, guru,

persekitaran sekolah, rakan sebaya dan taraf ekonomi turut dinyatakan berdasarkan kajian Md Eshak (1995). Pendapat ini disokong oleh Saidah (1999) yang menyatakan melalui kajian-kajian lepas terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar dalam sesuatu mata pelajaran terutamanya sikap, minat guru, strategi pengajaran guru, pengaruh rakan sebaya, kesihatan, kewangan dan latar belakang keluarga.

Faktor jantina dengan pencapaian pelajar

Kajian yang dilakukan oleh Stage dan Kloosterman (1995), mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi pencapaian mereka di dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kajian ini hampir sama dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian yang dilakukan oleh Foo Siet Chooi (1988) mengenai faktor jantina terhadap pencapaian pelajar di dalam pelajaran Matematik Moden untuk pelajar jurusan sastera di mana dapatan kajiannya menunjukkan faktor jantina tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran yang berkenaan. Kajian ini disokong oleh hasil dapatan yang serupa sebelumnya oleh Segar (1994), Mahmud Yahaya (1990) dan Foo Siet Chooi (1988).

Manakala kajian Manja Mohd Ladim (1990) menegaskan pencapaian akademik pelajar perempuan lebih cemerlang dari pencapaian pelajar lelaki. Hal ini disebabkan mereka lebih mudah mematuhi arahan guru, manakala pelajar lelaki lebih sukar mematuhi arahan, suka memprotes dan memberontak. Meor Ibrahim Kamaruddin (1992) yang mengkaji perkaitan antara sikap dengan pencapaian pelajar Tingkatan Empat aliran Sains mengikut jantina dalam mata pelajaran Kimia Moden mendapati sikap lebih

mempengaruhi pencapaian pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Di antara pelajar lelaki dan perempuan yang mempunyai sikap positif, pelajar perempuan menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Begitu juga kajian oleh Pruett (dalam Govindasamy Kolendai, 1998) menyatakan bahawa jantina mempunyai impak terhadap pencapaian Matematik. Dapatannya menunjukkan pencapaian pelajar perempuan lebih rendah berbanding pelajar lelaki. Kajian Peris (dalam Govindasamy Kolendai, 1998) juga mendapati wujud hubungan yang signifikan antara jantina dan pencapaian Matematik dan pencapaian pelajar lelaki lebih baik berbanding pelajar perempuan.

Faktor bidang pengajian dengan pencapaian pelajar

Berdasarkan kepada faktor bidang pengajian dengan pencapaian pelajar, kebanyakan pengkaji tidak memfokuskan kepada bidang kajian kerana kebanyakan sorotan karya hanya merujuk kepada pencapaian pelajar yang berfokuskan kepada mata pelajaran tertentu sahaja. Contohnya pelajar Prinsip Akaun dengan mata pelajaran Perdagangan, pelajar Matematik dengan mata pelajaran Matematik. Sedangkan dalam kajian ini tumpuan adalah berfokuskan kepada kursus Kenegaraan Malaysia sedangkan bidang pengajian responden adalah pelbagai dan kursus Kenegaraan Malaysia merupakan kursus teras bukan merupakan kursus tumpuan utama dalam bidang pengajian responden.

Faktor bangsa dengan pencapaian pelajar

Kajian Kamarudin Hj Husin (1996) dalam perbezaan prestasi antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu mula wujud sejak di sekolah rendah lagi. Pendidikan di peringkat rendah menjadi asas dan tapak kepada pencapaian semasa di sekolah menengah, maka

kelemahan di peringkat rendah akan menyebabkan kesinambungan ke peringkat yang lebih atas.

Menurut Awang Had Salleh (1990) dalam Idrus Ibrahim (1998) prestasi akademik pelajar-pelajar bumiputera secara keseluruhannya sederhana dan secara umumnya lebih rendah berbanding dengan prestasi pelajar-pelajar bukan bumiputera. Pernyataan ini konsisten dengan dapatan Mahmud Yahaya (1990) dari kajiannya telah mendapati pencapaian Matematik pelajar bukan Melayu lebih tinggi berbanding dengan pelajar Melayu. Kajian Abdul Ghani Ab. Aziz (1994) mendapati pencapaian pelajar Melayu dalam mata pelajaran Matematik dan Sains lemah disebabkan oleh minat yang berkurangan dan sikap malas untuk menghadap pelajaran.

Dharma (1994) dalam Idrus Ibrahim (1998) mendapati perbezaan akademik pelajar bergantung kuat kepada bangsa. Pernyataan ini juga disokong oleh Sharifah Mohd Nor (1992) yang mendapati dari kajiannya bahawa bangsa mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid tahun 1. Didapati pencapaian akademik pelajar India adalah lebih rendah berbanding pelajar Cina dan Melayu.

Tetapi Bremer-Evans (1994, dalam Govindasamy Kolendai, 1998) dalam kajiannya di Michigan mendapati bangsa bukanlah faktor yang signifikan terhadap pencapaian akademik, sebaliknya pencapaian membaca yang menentukannya.

Faktor pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM dengan pencapaian pelajar

Kajian Farley & Ramsay (1988) di Amerika Syarikat menunjukkan pelajar yang telah mengambil mata pelajaran Perakaunan di peringkat sekolah menengah mendapat gred yang lebih baik di dalam mata pelajaran Perakaunan tahun pertama universiti berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak pernah mengambilnya. Eskew & Farley (1988) juga mendapati bahawa pendedahan dan pengetahuan asas di dalam subjek Perakaunan telah memberi kesan yang positif kepada pencapaian pelajar dalam subjek Perakaunan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Kajian Doran & Bouillon (1991) mendapati pengetahuan asas yang dimiliki oleh pelajar Simpankira boleh membantu pencapaian pelajar dalam kursus awal Perakaunan. Satu kajian berkenaan dengan kursus awal Perakaunan telah dilakukan di Hong Kong di mana faktor pengalaman mempelajari mata pelajaran Perakaunan di sekolah telah menyumbang atau memberi kesan yang positif kepada pencapaian pelajar dalam kursus Perakaunan (Gul & Fong, 1993).

Di Malaysia melalui kajian yang dilakukan oleh Lai (1994), menunjukkan prestasi pelajar di dalam mata pelajaran Matematik, Perakaunan, dan Ekonomi di peringkat STPM memberi kesan ke atas pencapaian pelajar di dalam kursus Pengenalan Perakaunan di UM.

Kajian Didia & Hasnat (1998) mendapati prestasi terdahulu dalam subjek-subjek yang berkaitan seperti subjek asas Perakaunan, Ekonomi dan Matematik mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar di dalam subjek asas Kewangan.

Lim & Lourdasamy (1994) dalam kajian mereka terhadap interaksi pembolehubah iaitu kemahiran Matematik dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik di peringkat Tahun Satu universiti menunjukkan pencapaian yang terdahulu mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian Matematik di peringkat universiti.

Minat dengan pencapaian pelajar

Peranan minat sewaktu proses pembelajaran adalah sangat penting dan ia mempengaruhi pencapaian seseorang terhadap sesuatu mata pelajaran (Abu Zahari Abu Bakar, 1988). Pendekatan minat merupakan langkah awal untuk meningkatkan perhatian kepada perkara-perkara yang disampaikan dan sekiranya seseorang itu berminat terhadap sesuatu perkara, beliau mampu berusaha untuk menguasainya dengan mengembangkan minat yang ada sehingga mencapai keadaan yang membanggakan (Crow & Crow, 1980; Md Eshak, 1995).

Jika seseorang itu mempunyai minat yang tinggi, pencapaian mereka juga meningkat walaupun tahap keupayaan mereka adalah rendah (Crow & Crow, 1980). Ini disebabkan minat mendorong seseorang itu gigih berusaha. Menurut Boon Pong Yin dan Ragbir Kaur (1998), kurang berminat menyebabkan seseorang pelajar itu mudah lupa kerana